

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(ATAS TALIAN)
SEMESTER II
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK
KOD KURSUS : BBP 20402
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBE/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2020
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA (2)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

SULIT

BBP 20402

- S1** (a) Nyatakan definisi pengurusan projek yang melibatkan projek pembinaan.
(4 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas maksud projek berdasarkan dimensi bagi individu yang berfungsi sebagai pengurus projek.
(4 markah)
- (c) Terdapat empat (4) kekangan utama bagi pengurusan sesebuah Projek Pembinaan akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam membendung wabak Pandemik Coronavirus (COVID-19). Terangkan setiap kekangan bagi pengurusan sesebuah Projek Pembinaan dan berikan contoh yang sesuai.
(12 markah)

- S2** Kejayaan sesuatu perancangan dalam sesebuah projek penambahbaikan pengeluaran harian produk tenusu di sebuah kilang tenusu tempatan. Perancangan projek tersebut bergantung kepada pengetahuan tentang prosedur yang sedia ada dan kebolehan memilih kaedah yang paling menguntungkan. Berdasarkan pernyataan ini:
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan projek?
(3 markah)
- (b) Senaraikan aspek-aspek yang perlu dititikberatkan dalam perancangan dan kitar kawalan yang perlu diambil kira sekiranya projek penambahbaikan pengeluaran berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam membendung wabak Pandemik Coronavirus (COVID-19)
(5 markah)
- (c) Berdasarkan senarai yang dinyatakan di bahagian (b), bincangkan tiga aspek yang perlu diambil kira sekiranya projek penambahbaikan pengeluaran berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam membendung wabak Pandemik Coronavirus (COVID-19) mengikut pilihan anda.
(12 markah)

SULIT

S3

Proses pembangunan pelan projek bagi syarikat pembekal makanan bagi projek pembekalan makanan harian kepada Pusat Kuarantin wabak Pandemik Coronavirus (COVID-19) bermula daripada penerimaan dokumen kontrak dan seterusnya menyenaraikan aktiviti yang terdiri daripada aktiviti pengeluaran dan aktiviti perolehan.

- (a) Berikan definisi pengeluaran dan perolehan.

(4 markah)

- (b) Apakah jenis-jenis perolehan yang projek pembekalan makanan harian kepada Pusat Kuarantin wabak Pandemik Coronavirus (COVID-19) ?

(6 markah)

- (c) Berapakah nilai faedah yang dihasilkan oleh proses pengeluaran. projek pembekalan makanan harian bagi kepada Pusat Kuarantin wabak Pandemik Coronavirus (COVID-19)? Jelaskan nilai faedah tersebut.

(10 markah)

S4

- (a) Apakah maksud 'seni' dan 'sains' dalam pengurusan projek beserta contoh dalam sesebuah pengurusan projek yang mengalami kekangan akibat bencana alam?

(4 markah)

- (b) Terangkan aktiviti 'Mengawal' dalam pengurusan projek yang mengalami kekangan akibat bencana alam.

(6 markah)

- (c) Siapakah *Stakeholders* utama dalam setiap projek dan terangkan fungsi bagi setiap *Stakeholders*?

(10 Markah)

-SOALAN TAMAT-